

B504

MAHATHIR - KEMAS

1981

PETALING JAYA, 11 DIS. (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MEMANG MENJADI IMPIANNYA UNTUK MELIHAT NEGARA INI MENCAPI KEMAJUAN YANG BOLEH DIHORMATI OLEH DUNIA SERTA MAMPU MENGADAKAN SEGALA KEPERLUAN SENDIRI TANPA BERGANTUNG KEPADA ORANG LAIN.

PERDANA MENTERI YAKIN MATLAMAT ITU AKAN TERCAPI JIKA SEMUA PAKYAT MENUNJUKKAN KESANGGUPAN UNTUK MENJALANKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB DENGAN JUJUR DAN SEMPURNA.

DALAM HUBUNGAN INI, BELIAU MERAYU GOLONGAN PEKERJA AGAR JANGAN SEMATA-MATA MENUMPUKAN SOAL BEKERJA HANYA UNTUK MENDAPAT GAJI TETAPI MEMANDANG TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI SATU YANG PENTING UNTUK BANGSA DAN NEGARA.

+SAYA HARAP SEMUA RAKYAT AKAN MEMANDANG UPAHAN ITU SEBAGAI SELINGAN KEPADA PEKERJAAN KERANA JIKA MEMANDANG KEPADA GAJI SEMATA-MATA INI BERMAKNA ANDA SEMUA DIPERHAMBAKAN OLEH DUIT.+ TAMBAHNYA SEMASA BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM KEMAJUAN MASYARAKAT (KEMAS) DI SINI MALAM TADI.

BELIAU MENEKANKAN PERLUNYA TUMPUAN DIBERIKAN TERHADAP KESANGGUPAN BEKERJA DARI SEKARANG BAGI MELETAKKAN SATU ASAS YANG KUKUH UNTUK GENERASI AKAN DATANG MENCAPI MATLAMAT KEMAJUAN YANG DIIDAMKAN. --BERSAMBUNG 1105/AH

B505

MAHATHIR - KEMAS 2 PETALING JAYA

+MUNGKIN KITA TIDAK BOLEH MENCAPAI TAHAP KEMAJUAN YANG TINGGI DALAM UMUR HIDUP KITA SEKARANG, TETAPI SAYA PERCAYA JIKA KITA BERUSAHA DARI SEKARANG, KITA AKAN MELETAKKAN ASAS KUKUH SATU HARI KELAK DI MANA BANGSA KITA AKAN MENCAPAI KEMAJUAN YANG TIDAK KURANG DARIPADA BANGSA LAIN DAN INILAH YANG PERLU DIPERJUANGKAN,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR.MAHATHIR BERPENDAPAT JIKA DIKAJI SEKARANG, NEGARA BELUM LAGI MENCAPAI TAHAP KEMAJUAN YANG BOLEH DIBANGGAKAN SETARAF DENGAN NEGARA LAIN.

MASIH BANYAK YANG PERLU DIUSAHAKAN UNTUK MEMPASTIKAN PENDUDUK DINEGARA INI +BERDIRI SAMA TINGGI DAN DUDUK SAMA RENDAH+ DENGAN PENDUDUK BANGSA LAIN DI DUNIA.

BELIAU MENINGATKAN SEGALA ALAT MODEN YANG DISEDIAKAN UNTUK MEMUDAHKAN PEKERJAAN TIDAK MEMBERI MAKNA JIKA TIDAK ADA KESANGGUPAN DI KALANGAN PEKERJA UNTUK MENJALANKAN TUGAS DENGAN GIGIH.

+JIKA KITA MASIH LALAI ATAU MALAS DALAM MENJALANKAN KEWAJIPAN, KITA AKAN MENJADI BANGSA YANG MASIH TERPAKSA BERGANTUNG KEPADA-ORANG LAIN DAN INI SUDAH TENTU MEMBUAT MEREKA TIDAK MEMANDANG TINGGI KEPADA KITA.+ --BERSAMBUNG -110/AH

B506

MAHATHIR - KEMAS 3 PETALING JAYA

PERDANA MENTERI MAHUKAN RAKYAT BENAR-BENAR MENGHAYATI KEMERDEKAAN NEGARA YANG BUKAN SAHAJA BERERTI BEBAS DARIPADA +DIPERINTAH OLEH ORANG LAIN+ TETAPI JUGA BEBAS DARIPADA BERGANTUNG KEPADA SEGALA KEPERLUAN YANG BIASANYA DIDAPATI DARIPADA PIHAK ASING.

BELIAU BERKATA KEBEBASAN YANG DIKEHENDAKI JUGA ADALAH UNTUK MENENTUKAN NEGARA INI DAPAT MENDIRIKAN MASYARAKAT YANG DIHORMATI OLEH ORANG LAIN DAN MEMPASTIKAN KEHORMATAN ITU BERKEKALAN.

BELIAU LALU MENYOROT KEMBALI SEJARAH PENJAJAHAN NEGARA INI DI MANA RAKYAT TELAH DIHINA SEHINGGAKAN +ORANG PENCUCI KASUT+ DARI BRITAIN PUN TERPAKSA DIPANGGIL +TUAN+.

+SAYA SEBAGAI SEORANG YANG BERUMUR PERNAH MERASAKAN BAGAIMANA SEKSANYA HIDUP DIJAJAH TERUTAMA SEKALI DI KEDAH DI MANA IA DIJAJAH OLEH TIGA BANGSA IAITU BRITAIN, JEPUN DAN SIAM.+

BELIAU MENJELASKAN INI DITIMBULKAN BUKAN UNTUK MEMBANGKITKAN PERASAAN BENCI TERHADAP BANGSA-BANGSA BERKENAAN TETAPI UNTUK MENINGATKAN GENERASI MUDA YANG MENGANGGAP KEMERDEKAAN YANG KINI DINIKAMATI ADALAH SATU PERKARA BIASA.

TURUT HADIR IALAH DATIN SERI DR.SITI HASMAH DAN MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR, ENCIK SANUSI JUNIT.

--BERNAMA 1115/AH